

FestKon UTHM

mula hari ini

S/Harian

8/10/2014

m/s : 40

BATUPAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menganjurkan Festival Konvokesyen (FestKon) sempena Majlis Konvokesyen ke-14 universiti itu di Padang Kawad UTHM, bermula hari ini hingga 13 Oktober depan.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, festival enam hari itu dimeriahkan dengan pembukaan kira-kira 300 gerai jualan dan pameran daripada agensi luar serta swasta.

Katanya, acara lain yang disusun adalah persembahan artis tempatan dan persembahan tarian serta Angklung daripada Universiti Gadjah Mada, Indonesia.

“Kami turut mengadakan Kempen Keselamatan Jalan Raya dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Petron.

“Turut diadakan pelancaran Kembara Bahasa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Cabaran Karaoke, Juara Joran, Sirkuit Tamiya serta kugiran,” katanya.

Safry berkata, sambutan menggalakkan warga universiti dan masyarakat setempat mendorong UTHM menjadikan festival itu program tahunan.